



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

SIARAN MEDIA

HASIL USAHA GIGIH KPKT, AKHIRNYA KERJA PEMBINAAN 2,400 UNIT RESIDENSI HEKTAR GOMBAK (RESIDENSI WILAYAH) DIPULIHKAN SETELAH 7 TAHUN

KUALA LUMPUR, 30 Julai 2025 – Hasil usaha gigih dan berterusan, akhirnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) khususnya pasukan Task Force Projek Perumahan Swasta Sakit dan Terbengkalai (TFST) telah berjaya memperoleh suntikan dana sebanyak RM125 juta untuk menyambung semula kerja pembinaan projek Residensi Hektar Gombak yang melibatkan 2,400 unit kediaman.

“Setelah melalui pelbagai cabaran dan rundingan teknikal serta kewangan yang kompleks, inisiatif berterusan dan campur tangan proaktif oleh KPKT melalui TFST akhirnya membuahkan hasil,” kata Menteri YB Nga Kor Ming sempena lawatan kerja ke Residensi Hektar Gombak pada hari ini.

“Dengan adanya suntikan modal ini, kerja-kerja pembinaan akan bermula pada hari ini dan ia diteruskan oleh kontraktor utama baharu iaitu syarikat Bina Permai Sdn. Bhd,” tambah beliau.

Projek Residensi Hektar Gombak melibatkan 2,400 unit kediaman mampu milik di bawah Program Residensi Wilayah (RUMAWIP) yang bermula pada tahun 2018 dan dimajukan oleh Hektar Aneka Sdn Bhd. Malangnya, projek yang di bawah seliaan Jabatan Wilayah Persekutuan itu telah gagal disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan di bawah Perjanjian Jual Beli iaitu Mei 2022.

“Pengumuman pada hari ini menandakan satu langkah penting ke arah pemulihan projek yang telah sekian lama tertangguh, serta memberi sinar harapan kepada

ribuan pembeli rumah yang menanti dengan penuh keresahan,” kata Kor Ming.

“KPKT sentiasa prihatin dengan nasib pembeli yang terkesan akibat kelewatan projek dan pelbagai usaha telah dilaksanakan di peringkat KPKT bagi membantu meringankan beban mereka termasuklah membantu pembeli mendapatkan pengurangan kadar bayaran dan penstrukturan semula pinjaman dengan institusi kewangan.”

Di bawah Kerajaan MADANI pimpinan YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim, KPKT terus komited untuk memulihkan projek-projek lama yang bermasalah bagi memastikan rakyat, khususnya golongan berpendapatan rendah untuk mendapat kediaman yang selesa, selamat dan berdaya huni.

“Antara kejayaan yang terbesar termasuklah pemulihan Taman PRR Putera Kiansom, Sabah yang sebelum ini tertangguh selama 22 tahun, serta pelaksanaan Projek Program Residensi Rakyat (PRR) Harmoni MADANI di Bestari Jaya, Selangor, khas sebagai penyelesaian isu pemilikan rumah 245 orang pekerja ladang di kawasan tersebut yang telah berlarutan selama 27 tahun.

KPKT akan terus memainkan peranan aktif dalam menyelia kemajuan projek ini dan memastikan pemaju mematuhi plan pemulihan yang telah ditetapkan, sekaligus memberikan kelegaan dan keyakinan kepada pembeli yang terlibat.

#MalaysiaMADANI

#StrongerTogether

#DemiPertawi

#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my